

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

JET EKSEKUTIF TERBARU BAWA PM

KUALA LUMPUR, Jumaat — Kapal terbang yang digunakan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad petang semalam untuk lawatan ke Pasifik Selatan ialah sebuah jet Boeing 737 yang baru keluar dari kilang dan diserahkan cuma empat hari lalu.

MAS telah menemupahnya untuk digunakan sebagai jet eksekutif bagi lawatan negara dan rasmi oleh yang Di-Perutusan Agong dan Perdana Menteri.

Pesawat itu yang mengguna lambang dan warna rasmi MAS, mempunyai sebuah bilik tidur, bilik rehat dan makan dan sebuah meja eksekutif bagi penum-

pang ternama (VIP).

Di bahagian belakang kapal terbang, bagi penerbangan ini, akan ditempatkan kerusi-kerusi kelas ekonomi bagi rombongan seramai 26 orang.

Persinggahan

Kapal terbang yang dipasang dengan tangki minyak tambahan untuk menambahkan jarak penerbangan, telah dipasang semula mengikut kehendak-kehendak VIP di Dallas, Amerika Syarikat sebaik sahaja ialah diserahkan di Seattle.

Para jurutera MAS telah membuat perubahan-perubahan dan pesawat itu telah

diterbangkan ke Kuala Lumpur Ahad lalu.

Para pegawai MAS, yang tidak mahu memberitahu jumlah kos kapal terbang dan pemasangan pemasangan itu, berkata syarikat penerbangan itu akan menyewakan pesawat boeing tersebut kepada kerajaan bagi lawatan-lawatan negara dan rasmi.

Bila ia tidak disewa, pemasangan pemasangan VIP akan dikeluarkan dan pesawat itu akan diguna bagi penerbangan rantau dan dalam negeri sebagai menggantikan lain-lain pesawat.

Pesawat itu merupakan jet Boeing 737 MAS yang ke-12,